

MALAYSIA: THE WAY FORWARD (TERJEMAHAN)

28 FEBRUARI 1991

Pengenalan

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengemukakan kepada tuan-tuan beberapa pandangan tentang arah masa depan negara kita dan bagaimana kita patut berusaha mencapai matlamat membangunkan Malaysia menjadi Negara Perindustrian. Turut digariskan beberapa langkah yang patut diambil dalam jangka pendek supaya asas bagi perjalanan jauh untuk mencapai matlamat utama itu dapat diatur.

2. Kita berharap bahawa rakyat Malaysia yang dilahirkan hari ini dan pada tahun-tahun akan datang akan menjadi generasi terakhir warganegara kita yang tinggal di negara yang digelar 'membangun'. Matlamat utama yang patut kita tujui ialah Malaysia yang menjadi negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020.

3. Tuan-tuan mungkin bertanya apakah sebenarnya "negara maju sepenuhnya?" Adakah kita mahu menjadi seperti 19 negara kita Sweden, Finland, Jepun? Yang jelasnya setiap satu daripada 19 negara ini, daripada masyarakat dunia yang mempunyai lebih 160 setiap negara meniru salah satu membangun. Kita patut kita.

4. Malaysia tidak harus dibangunkan dalam bidang ekonomi sahaja. Ia mesti menjadi negara yang maju sepenuhnya dalam semua bidang: ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologi, perpaduan nasional dan sosial, dalam erti kata ekonomi kita, dalam erti kata keadilan sosial, kestabilan politik, sistem kerajaan, mutu hidup, nilai sosial dan kerohanian, maruah bangsa dan keyakinan. Malaysia sebagai negara maju sepenuhnya satu takrif